

ARKIB : 12/09/2008

## Kulit manggis sumber agen antioksid

Oleh NAZRUL AZIM SHARUDDIN

SETIAP kejadian tumbuh-tumbuhan di alam semula jadi ini tidak kira sama ada dari kategori daun, buah atau bunga sekali pun, kesemuanya pasti mempunyai keistimewaan tersendiri yang dapat memberi manfaat kepada manusia.

Dengan disokong oleh kemajuan bidang penyelidikan, keistimewaan tersebut sudah tentu dapat diaplikasikan secara menyeluruh dalam kehidupan seharian individu.

Mengambil manggis sebagai contoh, kebanyakan orang hanya menganggapnya sebagai buah-buahan tempatan yang mempunyai kulit berwarna ungu dan isinya yang lazat.

Namun, mungkin ramai yang tidak menyedari bahawa buah tersebut mempunyai banyak khasiat yang boleh digunakan untuk tujuan kesihatan dan perubatan.

Bagi mendedahkan fungsinya kepada umum, sebuah syarikat perintis, Herbal Village telah mengambil inisiatif menghasilkan beberapa produk kesihatan dan kecantikan berasaskan kulit buah manggis.

Menurut Pegawai Eksekutifnya, Rizal Amir Rejab, idea menghasilkan produk menggunakan kulit buah manggis itu diambil daripada negara Jepun di mana rakyatnya sangat menggemari buah tersebut.

“Melalui idea itu, kami telah menjalankan kajian dan penyelidikan lebih kurang dua tahun bagi mencari formula terbaik menghasilkan produk bermutu untuk faedah rakyat Malaysia.

“Untuk tujuan itu, kami mempunyai pasukan penyelidik khas yang bertanggungjawab mempelbagaikan produk berasaskan buah manggis ini,” katanya.



Rizal Amir Rejab, menunjukkan produk kesihatan keluaran syarikatnya.

Rizal memberitahu, untuk tujuan pengkomersialan pula, pihaknya berkerja sama dengan beberapa profesor dari Universiti Sains Malaysia (USM) agar formula sedia ada dapat diperkembangkan.

Menurut Rizal, antara keistimewaan kulit manggis adalah ia kaya dengan vitamin E dan C serta mengandungi sejenis bahan aktif yang dikenali sebagai xanthon.

Xanthon mempunyai fungsi anti oksida yang dapat melindungi serta mengurangkan kerosakan pada sel terutamanya yang disebabkan oleh serangan radikal bebas.

Ini kerana bahan tersebut mempunyai struktur jejari tiga cincin yang menjadikannya sangat stabil ketika berada dalam badan tidak kira sama ada dalam keadaan panas atau sejuk.

“Sebenarnya terdapat lebih daripada 200 jenis bahan xanthon pada sumber alam semula jadi yang lain, namun 40 daripadanya terkandung dalam manggis di mana ia merupakan yang terbanyak,” jelasnya.

Selain anti oksida, buah yang dikenali dengan nama saintifik *Garcinia Mangostana* itu juga berfaedah untuk fungsi lain seperti agen anti bakteria dan didakwa dapat membantu dalam mengurangkan masalah penyakit diabetes, migrain, buah pinggang, masalah penglihatan, lelah dan kesihatan kulit.

Produk-produk berasaskan kulit manggis yang dihasilkan oleh Herbal Village ialah Jus O'Steen, Kopi Stana dan Sabun Manggis.

Jus O'Steen merupakan minuman kesihatan yang dihasilkan dengan campuran kulit buah manggis bersama beberapa bahan seperti madu lebah, buah kurma, blueberry, blackcurrant, strawberi dan juga anggur.

Kopi Stana pula merupakan produk minuman kopi pracampuran yang dihasilkan melalui adunan kopi Arabica bersama kulit buah manggis, madu lebah, garam bukit, dan halia serta tidak mengandungi perasa tambahan.

Untuk sabun manggis, ia digunakan bagi tujuan penjagaan kesihatan kulit, membantu mengurangkan masalah resdung dan juga boleh digunakan untuk menghilangkan bau badan.

“Selain tiga produk ini, juga bercadang untuk mengeluarkan beberapa lagi produk berasaskan kulit manggis seperti teh manggis dan skrab badan,” jelasnya.

Setakat ini, kesemua produk tersebut telah pun berada di pasaran tempatan lebih kurang dua tahun dan menerima sambutan yang sangat menggalakkan.

Selain itu, produk-produk ini turut mendapat permintaan dari negara- negara luar seperti Afrika, Dubai, China dan Australia.

Kejayaan itu sebenarnya didorong oleh sokongan pelbagai agensi kerajaan yang telah banyak memberi bantuan seperti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang memberi bantuan teknologi serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang membantu dari segi pasaran.